

16 JAN 2003

MODENAS-KARISMA/I

MODENAS HARAP UNTUK JUAL 10,000 SKUTER KARISMA PADA 2003

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) menjangka dapat menjual kira-kira 10,000 unit skuter Karisma keluarannya yang baru dilancarkan tahun ini, kata ketua pengawai eksekutifnya Datuk Ir Rashid Din, hari ini.

Bercakap pada pelancaran skuter nasional berkuasa 125 cc oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyidin Yasin di sini, Rashid berkata pasaran skuter tempatan diunjur menyaksikan peningkatan permintaan kepada 36,000 unit tahun ini daripada 15,400 unit pada 2002.

Beliau berkata permintaan dijangka meningkat kerana harga skuter kini semakin kompetitif. Sebagai contoh, Karisma berharga RM4,688 setiap satu di atas jalan.

Karisma, merupakan nama yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada November 2002.

Karisma dimajukan secara bersama oleh Modenas dan rakan kongsi teknologi kedua, Motive Power Limited Industries (MPS), pengeluar dari Taiwan yang mengeluarkan skuter P.G.O., jenama terkenal. Rakan kongsi teknologi pertama pembuat motosikal negara itu ialah Kawasaki Heavy Industries dari Jepun.

Pasaran skuter tempatan menyumbang hanya tiga peratus daripada jumlah keseluruhan industri dalam negara pada 2000. Terdapat peningkatan sebanyak 30 peratus dalam jumlah yang didaftarkan pada 2001 dan ini meningkat kepada lebih 100 peratus pada 2002.

Sebagai petunjuk kepada popularitinya skuter dalam negara, Rashid berkata perbandingan bulan ke bulan menunjukkan permintaan meningkat 200 peratus pada November dan Disember 2002 berbanding dengan bulan yang sama 2001.

Skuter Karisma juga akan dieskport dalam masa enam bulan akan datang, kata beliau sambil menambah kata bahawa motosikal Modenas semakin popular di Indonesia, Iran dan Greece.

"Sekiranya anda bertanya kepada saya sama ada kami bersedia untuk Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA), jawapannya ialah "ya, kami bersedia untuk AFTA," katanya.

Rashid berkata Modenas juga berharap untuk meningkatkan penguasaannya dalam pasaran motosikal tempatan kepada 45 peratus tahun ini daripada 40 peratus tahun lepas.

Beliau berkata Modenas, anak syarikat DRB-Hicom, menguasai pasaran 110 cc dalam negara tahun lepas dengan 50 peratus bahagian pasaran dengan menjual kira-kira 88,000 unit model Kriss.

Rashid berkata Kriss akan terus menjadi model utama dari segi jualan.

Modenas juga memasarkan motosikal mewah model Jaguh manakala dua lagi model dijangka dilancarkan Ogos dan Oktober ini. Satu lagi pada tahun depan. -- BERNAMA

WNA SHY NHD